

KEPERLUAN WAKAF DI UNIVERSITI

ISMAIL
OMAR



MENURUT kamus Cambridge, dasar merupakan idea atau plan untuk bertindak dalam situasi tertentu yang dipersetujui organisasi, kerajaan atau kesatuan. Maknanya, dasar adalah peraturan yang memandu dan memacu kegiatan manusia.

Justeru, sesuatu dasar yang dibentuk akan menjadi panduan untuk melaksanakan sesuatu perancangan. Tanpa dasar yang jelas, perancangan dan pelaksanaan menjadi sukar untuk dijalankan. Begitu juga dengan objektif yang kurang jelas sudah pasti akan timbul pelbagai risiko serta ketidaktentuan. Akhirnya, pencapaian dan keberhasilan sukar untuk dicapai sepenuhnya.

Oleh itu dalam konteks melaksanakan perancangan dan memajukan Tabung Wakaf Universiti Awam seperti yang dicadangkan perlu ada satu dasar yang mantap bagi menjayakannya. Untuk pengetahuan semua penubuhan tabung wakaf di universiti dikehendaki berpandukan kepada Buku Ungu yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Persoalannya, mampukah buku ini menjadi panduan dan mendorong serta melorong kejayaan Tabung Wakaf Universiti Awam? Setelah diteliti dengan mendalam, buku itu hanyalah sekadar buku nota dan bukanlah panduan yang menjadi dasar untuk penubuhan dan pengendalian Tabung Wakaf Universiti Awam sepenuhnya.

Nampaknya, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi, agensi berkaitan wakaf dan universiti awam perlu bekerjasama ke arah keseragaman dasar dan peraturan



SATU dasar Tabung Wakaf Universiti Awam amat perlu diwujudkan segera bagi membantu pihak universiti mendapatkan dana. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

demi menjayakan Tabung Wakaf Universiti Awam.

Antara perkara yang dimasukkan ke dalam buku berkenaan adalah amalan terbaik dana endowmen yang boleh dijadikan panduan bagi menjalankan pelaburan. Tidak dinafikan terdapat universiti awam yang telah menubuhkan Tabung Endowmen sebelum adanya tabung wakaf.

Ada pihak yang memberi alasan penubuhan tabung ini adalah untuk mengelak berlakunya pergeseran dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) kerana menurut Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan Perkara II urusan berkaitan wakaf adalah di bawah kuasa kerajaan negeri.

Selain itu, langkah itu juga bertujuan memenuhi syarat-syarat penarafan antarabangsa yang hanya menerima dana endowmen dan bukannya wakaf. Secara umumnya Buku Ungu memberi panduan mengenai agihan sumber kewangan sesebuah universiti awam. Agihan itu termasuklah endowmen, wakaf, yuran pelajar, geran kerajaan dan peruntukan dana pembangunan.

Berbalik kepada usaha memperkenalkan wakaf di universiti awam, pelbagai bentuk boleh diperkenalkan dan yang terpenting adalah wakaf tunai. Menyetuh tentang wakaf ini, pelbagai model wakaf telah dilaksanakan antaranya sukuk, tunai

serta pelaburan berasaskan debit.

Sehubungan itu, perlu ada penerangan yang jelas diberikan kepada pentadbir tabung wakaf yang profesional. Jika tidak, urusan pelaburan wakaf yang bersifat teknikal boleh menjadi lebih rumit.

Sebagai satu alternatif, kajian yang mendalam berkaitan sumber dana dan pelaburan wakaf perlu dibuat dengan terperinci. Terutama sekali apabila tabung wakaf baru sahaja hendak ditubuhkan dan melibatkan pentadbir-pentadbir yang kurang pengalaman.

Misalnya, apabila pelaburan hendak dilakukan melalui sukuk, banyak perkara yang perlu dikaji dengan mendalam. Buat masa ini, didapati tiada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang melibatkan diri dalam pelaburan sukuk yang dirancang dalam portfolio pelaburan wakaf mereka.

Apatah lagi jika usaha itu dilaksanakan oleh Tabung Wakaf Universiti Awam yang baru sahaja ditubuhkan. Namun begitu Majlis Agama Islam Singapura (MUIS) telah berjaya mengendalikan sukuk intifak dengan baik sekali.

Seterusnya, Buku Ungu turut mencadangkan penubuhan Tabung Wakaf Universiti Awam melalui pembentukan jawatankuasa dan pembentukan badan pengurusan. Langkah mendapatkan pelepasan cukai

daripada agensi berkaitan juga perlu diambil kira selain keperluan menggubal dasar-dasar wakaf yang berkaitan sebaik mungkin.

Manakala bagi pengurusan pula, pegawai yang berpengalaman dan berkelayakan haruslah dilantik. Pelan pembangunan pula hendaklah dibentuk untuk dilaksanakan. Seterusnya, garis panduan untuk menjalankan aktiviti wakaf perlu diterbitkan supaya kegiatan wakaf boleh dijalankan dengan profesional.

Akhirnya, cabaran wakaf universiti awam juga wajar dihuraikan. Antaranya termasuklah masalah kewangan, pelantikan pegawai yang berwibawa, kurang kefahaman masyarakat, sekatan perundangan, ciri-ciri kekal wakaf dan tidak kurang juga masalah tadbir urus di peringkat universiti.

Apa pun satu dasar Tabung Wakaf Universiti Awam perlu diwujudkan dengan kadar segera. Atas keperluan itu pihak pengurusan Tabung Wakaf Universiti Awam perlu menjalin hubungan akrab dengan agensi-agensi berkaitan wakaf.

Jalinan yang akrab ini tidak seharusnya berlaku di atas kertas sahaja tetapi sepatutnya lebih daripada itu antaranya melibatkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan MAIN. Semua institusi ini telah mengadakan banyak perbincangan meja bulat berkaitan wakaf.

Kita juga kita tidak mahu melihat sumber-sumber wakaf di universiti mengecut dan tidak berkembang maju. Untuk itu, sumber wakaf universiti perlu dipelbagaikan antaranya wakaf menyediakan padang, makmal dan dewan kuliah dan bukan sekadar wakaf tunai semata-mata.

PROFESOR DR. ISMAIL OMAR ialah Ketua Penyelidik Pelestarian Pendidikan Tinggi Melalui Wakaf, tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi.